

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID**  
**[ HULU TERENGGANU ]**  
**TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 3**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a) statistik semasa pengambilan satu peratus pekerja orang kurang upaya (OKU) dalam sektor awam; dan
- b) langkah-langkah menggalakkan lagi penyertaan golongan tersebut dalam sektor tersebut.

**JAWAPAN : YB TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN,**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA**  
**MENTERI**

Yang di Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, statistik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menunjukkan bahawa sehingga 30 Jun 2019, jumlah pengisian OKU dalam Perkhidmatan Awam adalah seramai 3,686 pegawai atau 0.29%.

2. Manakala, statistik urusan pengambilan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) menunjukkan bahawa pada tahun 2019 (sehingga Jun), seramai 44 orang atau 0.49% calon OKU dilantik ke Perkhidmatan Awam daripada sejumlah 8,924 calon lantikan tetap. Pada tahun 2018 pula, daripada seramai 13,454 pelantikan tetap, SPA

## NO SOALAN : 3

telah melantik seramai 114 atau 0.85% calon OKU ke Perkhidmatan Awam.

3. SPA sentiasa menjadikan sasaran 1% peluang pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam kepada OKU seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 sebagai asas dalam semua urusan pengambilan. Sungguhpun demikian, pencapaian sasaran ini banyak bergantung kepada kesediaan Kementerian dan Jabatan yang menerima penempatan calon OKU. Ia perlu disesuaikan di antara norma kerja dan jenis ketidakupayaan calon OKU (*job match*). Selain itu, aksesibiliti dan kemudahan OKU di bangunan pejabat atau tempat kerja juga perlu diambil kira bagi memastikan tugas yang diberikan dapat dilaksanakan dengan lancar.

4. Bagi urusan pengambilan calon ke jawatan kontrak, Kementerian dan Jabatan sebenarnya telah diberi kuasa dalam urusan pengambilan calon sebelum diperakukan kepada SPA. Ketua Jabatan berdasarkan kuasa yang diperuntukkan mengikut peraturan yang berkenaan boleh mengenal pasti calon OKU yang sesuai dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk dipertimbangkan pelantikan.

5. Bagi menggalakkan dan mempermudah semua calon memohon pekerjaan termasuk juga calon OKU, SPA telah menyediakan sistem pendaftaran pekerjaan secara dalam talian (*online*). Calon OKU boleh mengisi borang SPA8i di Portal SPA pada bila-bila masa dan di mana-mana jua dengan menyatakan status dan kategori ketidakupayaannya. Hebahan mengenai kekosongan sesuatu jawatan pula dibuat melalui iklan yang disebar luas melalui portal SPA dan media-media sosial seperti facebook.

6. SPA juga mengambil langkah mengenakan syarat kelayakan minimum sahaja kepada calon OKU berdasarkan syarat lantikan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan. Ini bermakna, calon OKU yang memenuhi syarat yang ditetapkan di dalam skim perkhidmatan akan dipanggil untuk menghadiri temu duga bagi jawatan yang dipohon. Pengecualian juga diberikan kepada calon OKU dari menduduki *Public Service Entry Exam* (PSEE) sebagai langkah menggalakkan penyertaan OKU dalam perkhidmatan awam. Selain itu, Ahli

### NO SOALAN : 3

Suruhanjaya daripada kalangan OKU juga telah dilantik menganggotai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

7. Dalam menyampaikan maklumat dan panduan memasuki Perkhidmatan Awam, SPA sentiasa melaksanakan Program *Outreach* termasuk membuka booth di program-program karnival kerjaya anjuran pelbagai pihak. Pada tahun 2018, SPA telah melaksanakan sebanyak 61 program *outreach* di seluruh negara.

8. Pencapaian 1% OKU dalam Perkhidmatan Awam banyak bergantung pada semua pihak yang terlibat. SPA adalah satu daripada Pihak Berkuasa Melantik (PBM) dalam Perkhidmatan Awam. Selain SPA, pelantikan calon OKU juga turut dilaksanakan oleh PBM yang lain.

Sekian, terima kasih.